

SOALAN NO: 46

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN]
TARIKH : 06 MAC 2018
SOALAN : 46**

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini projek pembinaan tempat meletak kereta bertingkat Hospital Umum Sarawak (HUS) serta projek-projek berkaitan, status pembinaan Hospital Petra Jaya Sarawak serta hospital Sri Aman. Jangka masa siap, pelan terkini serta syarikat-syarikat yang terlibat mengikut kontrak. Nyatakan sebab utama kelambatan projek tersebut dan langkah-langkah yang telah diambil bagi setiap hospital tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) meletakkan komitmen yang tinggi dalam memastikan rakyat mendapat perkhidmatan kesihatan yang berkualiti tanpa rasa terbeban. Antaranya termasuklah memastikan menyediakan prasarana sokongan seperti penyediaan ruang tempat meletak kenderaan yang mencukupi kepada orang ramai apabila mengunjungi fasiliti-fasiliti kesihatan Kerajaan.

Bagi maksud Projek Cadangan Menaiktaraf Hospital Umum Sarawak (HUS) secara Kerjasama Awam Swasta - *Built-Lease-Maintain-Transfer* (BLMT) melalui kaedah perolehan *Swiss Challenge* yang melibatkan pembangunan kompleks Tempat Letak Kenderaan (TLK) Bertingkat dan lain-lain kemudahan fasiliti kesihatan, kontrak Perjanjian Konsesi (CA) telah dimeterai di antara Kerajaan dan Syarikat Asaljuru Weida Sdn. Bhd.,

iaitu Syarikat Konsesi Projek pada 28 April 2017. Tarikh Kuatkuasa Projek telah ditetapkan pada 15 November 2017 dan Tarikh Kebenaran Memulakan Kerja-Kerja Pembinaan telah ditetapkan pada 23 Februari 2017. Tempoh pembinaan adalah selama tiga (3) tahun, dengan Tarikh Jangka Siap pada 22 Februari 2020 dan diikuti seterusnya oleh tempoh konsesi selama 17 tahun.

Dengan penyiapan komponen Kompleks TLK Bertingkat di HUS pada tahun 2020, KKM menjangkakan bahawa masalah berhubung kesesakan lalu lintas dan kekurangan petak-petak kenderaan dapat diatasi dan dapat membolehkan orang ramai berkunjung ke fasiliti tersebut dengan mudah.

Tuan Yang di-Pertua,

Projek pembinaan Hospital Petrajaya dan Hospital Sri Aman merupakan dua projek yang berada dalam status lewat siap berdasarkan jadual asal yang dikeluarkan kepada pihak kontraktor .

Bagi projek Hospital Petrajaya, Sarawak kontraktor yang telah dilantik adalah Zecon Berhad. Tarikh siap asal projek adalah pada 29 November 2016. Manakala tarikh selepas *Extension of Time* (EOT) adalah pada 9 Jun 2017. Tarikh jangka siap terkini setelah pihak kontraktor menandatangani *Supplementary Agreement* adalah pada 30 Jun 2018.

Disebabkan kelewatan melaksanakan projek tersebut mengikut jadual, pihak kontraktor telah dikenakan *Liquidated Ascertain Damage* (LAD) berjumlah RM89,506.85 sehari dan jumlah keseluruhan yang dikenakan adalah RM10,830,328 bagi tempoh daripada 10 Jun 2017 hingga 8 Oktober 2017 iaitu bersamaan dengan 121 hari.

Punca utama kelewatan projek Hospital Petrajaya adalah disebabkan daripada kekurangan sumber kewangan oleh pihak kontraktor.

Untuk makluman bagi projek Hospital Sri Aman, kontraktor yang dilantik bagi melaksanakan projek ini adalah Faltech Engineering Sdn Bhd JV Welfield Services Sdn Bhd. Tarikh jangkaan siap asal projek ini adalah pada 25 Oktober 2018. Walaubagaimanapun projek ini telah mendapat EOT berjumlah 282 hari dan menjadikan tarikh siap semasa terkini pada 3 Ogos 2019.

Punca utama kelewatan projek ini disiapkan adalah kelemahan pihak kontraktor dalam menguruskan isu-isu berkaitan pengurusan di tapak projek dan kekurangan pekerja.

Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia bekerjasama dengan agensi pelaksana iaitu JKR Malaysia telah mengambil beberapa langkah untuk memastikan projek ini dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Antara langkah yang diambil adalah memastikan pemantauan secara berkala setiap minggu dan mesyuarat tapak dilaksanakan pada setiap bulan.